

OIC: Qatar setuju inisiatif Malaysia

UM 19 FEB 2003

Oleh ABDULLAH HAMID

PUTRAJAYA 18 Feb. — Qatar, pengerusi semasa Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), telah menyatakan persetujuan dan menyokong usaha Malaysia untuk mengadakan perbincangan tidak rasmi OIC di sini sempena Sidang Kemuncak Ke-13 Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM).

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, rakan sejawatannya dari Qatar, Sheikh Hamad Jaseem Al-Thani telah menghubungkan semalam dan menyatakan sokongan terhadap inisiatif Malaysia itu.

Menurut beliau lagi, Menteri Luar Qatar menyokong diadakan perbincangan berhubung isu-isu semasa sebagaimana yang dipersetujui antara Amir Qatar, Amir Hamad Khalifa Al-Thani dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sebelum ini.

"Qatar telah menyokong perbincangan itu, namun telah meminta supaya pertemuan tersebut diadakan menurut Piagam OIC," katanya.

Syed Hamid berkata demikian kepada pemberita selepas majlis penyerahan buku-buku oleh Mukhriz Mahathir dan Datuk Ram Sharma di kementerianannya di sini, hari ini.

Sebanyak 1,000 buah buku *Malaysia's New Economic Policy (NEP) - An Overview* karya Mukhriz dan Khairy Jamaluddin serta 200 buah buku *Portrait of the Nation* yang disumbangkan Ram Sharma akan diedarkan kepada delegasi yang menghadiri sidang kemuncak NAM.

Buku *New Economic Policy (NEP) - An Overview* adalah berkaitan dasar yang menekankan imbalan pembangunan ekonomi di kalangan kaum-kaum di Malaysia melalui cara menggalakkan produktiviti dan pemodenan di dalam ekonomi pasaran bebas.

Buku *Portrait of the Nation* pula merupakan kumpulan puisi dalam bahasa Inggeris yang dihasilkan sebagai menyatakan penghargaan ke atas sumbangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad terhadap negara ini.

Pada majlis yang sama Petroliaam Nasional Berhad (Petronas) melalui Presidennya, Tan Sri Mohd. Hassan Merican telah menyumbangkan RM1 juta sebagai penaja bahan api untuk Sidang Kemuncak Ke-13 NAM yang akan berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur pada 20 hingga 25 Februari ini.

Qatar pada mulanya tidak bersetuju terhadap rancangan Malaysia untuk mengadakan perbincangan tidak rasmi itu yang dijadualkan diadakan pada 26 Februari, sehari selepas sidang kemuncak itu.

Sebagai balasan kepada sokongan Qatar, Syed Hamid berkata, Malaysia memberi jaminan akan memberi sokongan kepada negara itu untuk mengadakan satu sidang tergepang OIC di Doha pada satu tarikh yang akan diputuskan kemudian.

Sebanyak 40 buah negara OIC menjadi anggota NAM yang mempunyai 114 negara ahli.

Syed Hamid menegaskan, perbincangan tidak rasmi yang akan diada kan sehari selepas berakhir sidang kemuncak NAM itu akan membolehkan para

pemimpin berkenaan bertukar-tukar pendapat ke arah persefahaman yang lebih baik mengenai isu-isu semasa selain menangani perkara-perkara yang berkaitan dengan masyarakat Islam seluruh dunia.

"Apa yang penting daripada persidangan itu ialah mesej yang hendak diputuskan, sama ada ia mesej OIC atau NAM, apa yang kita mahukan ialah keamanan dan kita percaya peperangan bukanlah cara terbaik yang cuba hendak digunakan untuk menyelesaikan konflik," katanya.

Sementara itu, beliau memaklumkan bahawa Qatar juga telah memberitahunya mereka telah mengadakan mesyuarat tergepang Menteri-Menteri Luar Arab membincangkan isu peperangan yang turut mengancam kestabilan negara masing-masing.

"Kita gembira perkara itu telah menarik minat dan memberi impak terus kepada negara-negara ahli OIC yang mahu perkara itu disegerakan," katanya.

Liga Arab sebagaimana yang dilaporkan hari ini telah meluluskan resolusi menolak pencerobohan Amerika Syarikat (AS) ke atas Iraq,

Sebaliknya beliau menegaskan, amat malang bagi negara-negara Arab sekiranya mereka berdiam diri dan tidak melakukan sapa-apa secara ber-sungguh-sungguh bagi mengelakkan peperangan sedangkan Iraq adalah anggota OIC dan juga NAM.

Beliau menganggap pertemuan yang hendak diadakan nanti adalah perkara penting kepada negara-negara OIC itu untuk berbincang dan menggunakan kedudukan mereka bagi mengambil satu pandangan terhadap isu itu.